



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## INOVASI SOSIAL PENCETUS TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

**PUTRAJAYA, 21 November** –YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan dalam sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan KWP Bersama Agensi 2017 menyampaikan 3 anugerah utama inovasi sosial iaitu Pertandingan Wajah Inovasi dan Kreatif, Anugerah Pembaca Cemerlang dan Pertandingan Pameran @ Showcase Terbaik.

Selain itu turut diadakan penyampaian Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) kepada 11 pegawai dan kumpulan sokongan dari Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).Pingat ini dianugerahkan kepada pegawai dan kakitangan sokongan yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan berkata anugerah yang disampaikan ini merupakan satu pengiktirafan terbesar kepada semua warga KWP dan agensi yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti berbentuk kemasyarakatan antaranya misi bantuan banjir di Pahang dan program bersama anak-anak yatim.

KWP juga telah melaksanakan pelbagai inovasi sosial dalam melaksanakan program yang memberi manfaat kepada komuniti terutamanya di Wilayah Persekutuan. Antara program yang mendapat sentuhan inovasi sosial ini adalah seperti program Baiti Jannati@ Wilayah Persekutuan yang memberi manfaat kepada golongan miskin tegar dan miskin bandar yang tinggal di PPR MTEN dan PA DBKL untuk memiliki rumah sendiri hasil kerjasama strategik dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan korporat.

Selain itu, KWP juga bekerjasama dengan NGO seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dalam operasi Banteras Aktiviti Haram (OPS BAH). Task force ini bertujuan untuk membanteras penyalahgunaan dadah, perjudian haram, pelacuran, dan pelbagai lagi masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Sehingga kini, nilai rampasan peralatan dan mesin judi atas talian yang dirampas mencecah RM17.83 juta dan 2,215 penangkap dadah berjaya ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Kejayaan pelaksanaan OPS BAH ini terbukti apabila telah menerima Anugerah Khas PPIM sempena Forum Pengguna Islam ke-7 pada tahun ini.

Dalam mendepani isu kos sara hidup rakyat, KWP telah memperkenalkan Kad Ceria sebagai salah satu inisiatif buat warga Wilayah Persekutuan. Sehingga kini, terdapat 7,268 *merchant* sebagai rakan dagang kad ceria yang melibatkan sejumlah 7,568 premis perniagaan di Wilayah Persekutuan.

Bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri di Wilayah Persekutuan, KWP telah memperkenalkan dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP). Pelaksanaan program RUMAWIP ini telah mencapai sasaran sejumlah 71,262 unit rumah iaitu termasuk projek yang telah siap dibina, dalam pembinaan dan telah mendapat kelulusan perintah pembangunan. Pelaksanaan RUMAWIP ini menjimatkan kos kerajaan secara keseluruhan kerana projek pembinaan yang dilakukan tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada pihak kerajaan.

Desakan sosioekonomi dan gangguan emosi yang membenggu golongan gelandangan pula telah mendapat perhatian daripada pihak KWP. Inisiatif penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur yang dibina sekitar awal tahun 2016 dilihat membantu hampir ratusan penghuni gelandangan untuk kembali ke landasan kehidupan normal. Bertindak sebagai pusat sehenti yang boleh menempatkan seramai 184 orang dalam satu masa dan ia bersifat sementara sebelum penghuni dibawa ke pusat atau agensi bersesuaian.

Majlis yang bertemakan “Inovasi Sosial Pencetus Transformasi” ini diharapkan dapat menjana lebih banyak produk dan perkhidmatan kerajaan menggunakan pendekatan sosial secara kreatif dan inovatif sekaligus akan memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan juga.

**Disediakan oleh**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**21 November 2017**